



CEGeoGTech UniMAP Jalinkan Hubungan Dengan KOGIRI

Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) membuka tirai tahun 2014 dengan mengembangkan penyelidikan dalam bidang geopolimer melalui satu perjanjian yang dimeterai dengan Konsortium Riset Geopolimer Indonesia (KORIGI) dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Hotel Alana, Surabaya, Indonesia. Pada majlis tersebut, UniMAP diwakili oleh Naib Canselor yang juga Pengerusi CEGeoGTech, Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala pihak KOGIRI diwakili oleh Dr. Eng. Januarti Jaya Ekaputri.

Hasil perjanjian tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk menganjurkan Malaysia-Indonesia Geopolymer Symposium (MIGS) buat julung kalinya dan bakal dianjurkan di Malaysia yang dijadualkan pada bulan Mac 2014. Simposium ini bakal menghimpunkan pembentang-pembentang utama dari kalangan pakar geopolimer antaranya Prof. Dr. Djwantoro Hardjito daripada Universiti Kristian Petra, Indonesia dan Dr Parames Kamhangritirong dari Universiti Kasersart, Thailand.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk melakukan penyelidikan bersama terhadap lumpur Sidoarjo (LUSI) yang sebelum ini hanya memfokuskan kepada penghasilan agregat tiruan ringan oleh CEGeoGTech. LUSI merupakan bencana alam kedua terbesar dialami oleh penduduk Indonesia terutamanya di Porong Sidoarjo.

